

1. PERMOHONAN OLEH INDIVIDU

- Borang SPS2 yang lengkap
- Borang UMA7 yang lengkap
- Salinan kad pengenalan/ passport
- Sijil Saham asal (jika Pemunya Berdaftar (RO) & Pemunya Benefisial (BO) orang yang sama) ATAU Sijil Saham asal dan Borang 32A yang telah ditandatangani oleh nama yang berdaftar atas sijil atau yang diberi kuasa di hadapan saksi yang layak (bagi RO & BO yang berbeza)
- Salinan muka hadapan Buku Akaun Bank/ Penyata Bank yang :-
 - masih aktif kepunyaan pemohon
 - tertera nama dan nombor akaun pemohon
 - disahkan oleh pihak bank

1.1 DOKUMEN TAMBAHAN JIKA MEWAKILI ORANG YANG TELAH MENINGGAL DUNIA

- Salinan sijil mati
- Salinan Surat Kuasa Mentadbir/ Sijil Pemberian Probat/ Sijil Faraid/ Borang E atau F (Akta Harta Pesaka Kecil Pembahagian) 1955/ Perintah Mahkamah
(Nota : Arahan Mahkamah daripada luar negara perlu didaftarkan dengan Mahkamah Tinggi Malaysia. Salinan Dokumen tersebut hendaklah diakui sah oleh pihak yang mengeluarkan dokumen berkenaan)
- Surat Kebenaran Asal oleh penama lain (jika penama lebih dari seorang dalam surat kuasa) dihadapan saksi (Pesuruhjaya Sumpah) serta salinan Kad Pengenalan penama tersebut.
- Sekiranya sijil asal hilang, sila rujuk Lampiran A

2. PERMOHONAN OLEH SYARIKAT:-

- Borang SPS2 yang lengkap
- Borang UMA7 yang lengkap
- Salinan Sijil Penubuhan Syarikat (borang 9 dan / atau 13)
- Sijil Saham asal (jika Pemunya Berdaftar (RO) & Pemunya Benefisial (BO) orang yang sama) ATAU Sijil Saham asal dan Borang 32A yang telah ditandatangani oleh Lembaga Syarikat dan dimenterai / cop rasmi syarikat (bagi RO & BO yang berbeza)
- Resolusi Lembaga Pengarah yang membenarkan untuk menandatangani Borang 32A di atas
- Salinan Penyata Bank syarikat yang :-
 - masih aktif kepunyaan syarikat
 - tertera nama dan nombor akaun syarikat
 - disahkan oleh pihak bank
- Sekiranya sijil asal hilang, sila rujuk Lampiran A

3. Borang SPS2 & UMA-7 yang lengkap berserta dokumen sokongan hendaklah diserahkan kepada:-

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA
UNIT SEKURITI, SEKSYEN OPERASI
BAHAGIAN PENGURUSAN AMANAH DAN SEKURITI
TINGKAT 42, MENARA MAYBANK
100 JALAN TUN PERAK
50050 KUALA LUMPUR**

4. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi talian:-

*Nota: (i) Bayaran akan dikreditkan ke dalam akaun aktif pemohon
(ii) Permohonan oleh pemohon luar negara akan dibayar secara deraf bank.*

Lampiran A

PERMOHONAN TANPA SIJIL SAHAM ASAL (SIJIL HILANG)

Bagi jumlah tuntutan kurang dari *RM10,000 (hasil jualan + dividen):-

- Surat Pengesahan asal dari Pendaftar Saham yang dialamatkan kepada JANM;
- Surat Akuan Berkanun;
- Laporan Polis yang asal atas kehilangan sijil / salinan yang telah diakui sah; dan
- Borang UMA 8 “Pin 1/2005*(dimatikan setem hasil RM10.00 oleh LHDN / Pusat Setem)

Bagi jumlah tuntutan melebihi *RM10,000 (hasil jualan + dividen):-

- Surat Pengesahan asal dari Pendaftar Saham yang dialamatkan kepada JANM;
- Salinan iklan di surat khabar berkaitan kehilangan sijil. (Bayaran akan dibuat jika dalam tempoh 14 hari dari tarikh iklan, tiadatuntutan tebusan/bantahan dibuat oleh mana-mana pihak);
- Surat Akuan Berkanun;
- Laporan Polis yang asal atas kehilangan sijil / salinan yang telah diakui sah; dan
- Borang UMA 8 “Pin 1/2005*(dimatikan setem hasil RM10.00 oleh LHDN / Pusat Setem)

*** Sila hubungi pejabat kami bagi mengetahui jumlah sebenar tuntutan**